



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

 Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Berita Harian - 'Rehatkan' 4 Pengurusan Keputusan Salah: Johari](#)

Berita Harian - 'Rehatkan' 4 Pengurusan Keputusan Salah: Johari

 Khamis, Jun 08 2017



'Rehatkan' 4 pengurusan keputusan salah: Johari

➔ Tindakan secara membuta tuli jejas sentimen pelabur

**Oleh Luqman Arif
Abdul Karim**
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Keputusan 'merehatkan' empat pengurusan kanan Felda Global Ventures Holding Bhd (FGV) disifatkan sebagai percaturan salah dan mengundang impak negatif.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata keputusan sedemikian tidak boleh dilakukan secara membuta tuli kerana boleh menjejaskan sentimen

pelabur dalam agensi perladangan bersepadu itu.

"Tindakan seperti ini memabitkan risiko kepada pelaburan awam dan asing, justeru bukan senang-senang nak suruh orang berehat kerana mampu merencatkan reputasi pengurusan kanan-nya.

"Contohnya, arahan untuk bercuti bagi memberi laluan kepada siasatan dalaman akan meranapkan imej FGV kalau didapati tiada apa-apa (kes salah laku oleh individu terbabit)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Nur Ramadan bagi Par-



[FOTO BERNAMA]

Johari menyaksikan penyerahan sumbangan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk Roslan Hassan (kanan) kepada Pengerusi Masjid Ar-Rahimah, Mohd Shah Hasim (dua dari kiri) pada program Nur Ramadan di Masjid Ar-Rahimah, di Kuala Lumpur, semalam.

8/6 Bt



Pergolakan yang melanda FGV wajar diselesaikan secara tuntas bagi menjaga kepentingan pelabur tempatan dan asing, selain nasib ribuan peneroka di negara ini"

Johari Abdul Ghani,
Menteri Kewangan II

limen Titiwangsa, di sini semalam.

Ulas arahan bercuti

Beliau mengulas keputusan Lembaga Pengarah FGV mengeluarkan arahan bercuti kepada empat pegawai kanan agensi perladangan itu, termasuk Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zakaria Arshad, berkuat kuasa kelmari.

Johari berkata, pergolakan yang melanda FGV wajar diselesaikan secara tuntas bagi menjaga kepentingan pelabur tempatan dan asing, selain nasib ribuan pene-

roka di negara ini.

"FGV adalah syarikat yang disenaraikan di bursa dan menca- kipi pelaburan pelbagai pihak, antaranya Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sebagai pe- megang kepentingan terbesar, Ke- rajaan Pahang, Kerajaan Sabah dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Sentimen pelbagai pelabur ini akan terhakis jika kemelut ini di- biarkan berlarutan tanpa penye- lesaian menyeluruh dan sistematik, sekali gus menyebabkan saham FGV merudum saban hari," ka- tanya.

**Pekeliling
Perbendaharaan**



■ BISNES

■ AGENSI

■ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**